

## Media Monitoring

Publication: **Harian Metro (print)**

Circulation/Audience: **70,000**

Date: **26 May 2022**

Reference: **Ekuiti Nasional**

Headline: **Jumlah nilai pemegang saham Ekuinas meningkat**  
(Page 1 of 2)



# Jumlah nilai pemegang saham Ekuinas meningkat

**Kuala Lumpur:** Pelaburan Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas) terus memacu peningkatan pemilikan ekuiti Bumiputera untuk meningkat kepada RM6.5 bilion atau 1.6 kali ganda modal yang dilaburkan.

Malah jumlah nilai pemegang saham juga meningkat kepada RM8.2 bilion atau 2.1 kali ganda modal yang dilaburkan, sementara penyertaan Bumiputera dalam pengurusan di syarikat portfolio meningkat sebanyak 21.9 peratus.

Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir berkata,

Ekuinas terus menyokong pembangunan ekonomi dengan jumlah pelaburan komited sebanyak RM4.4 bilion dan jumlah penyaluran dana sebanyak RM5.1 bilion, bersama pasukan pengurus dana penyumberaan luar.

Beliau berkata, pada akhir 2022, portfolio pelaburan kumulatif Ekuinas terdiri daripada 42 syarikat, yang mana 24 adalah melalui pelaburan langsung dan 18 melalui pengurus dana penyumberaan luar.

Katanya, penciptaan nilai akan terus menjadi tumpuan utama dalam usaha Ekuinas untuk merangsang

pertumbuhan syarikat portfolio menerusi pendekatan unik yang disesuaikan mengikut peluang dan cabaran setiap syarikat.

"Kami akan terus meninjau peluang pelaburan baharu dan meningkatkan nilai syarikat portfolio.

"Kami melihat peluang pertumbuhan yang cerah dalam sektor minyak dan gas, logistik, penjagaan kesihatan dan elektrik dan elektronik," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media mengumumkan prestasi kewangan Ekuinas bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Ekuinas Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda.

Mengenai tinjauan 2023, Syed Yasir Arafat berkata, tahun 2023 akan menjadi tahun yang mencabar.

Beliau berkata, pihaknya terbuka untuk keluar daripada pelaburan melalui tawaran awam permulaan (IPO) atau jualan perdagangan, bergantung kepada penilaian yang bakal diperoleh.

Katanya, Ekuinas terbuka kepada rancangan untuk menyenaraikan syarikat portfolio pelaburan segmen runcitnya, Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd (Al-Ikhsan).

Beliau berkata, pihaknya telah mengadakan perbincangan sama ada untuk keluar daripada pelaburan dalam Al-Ikhsan tahun ini atau sebaliknya.

Bagi tahun kewangan berakhir 2022, syarikat portfolio Ekuinas mencatatkan pertumbuhan hasil sebanyak 30.2 peratus dan pertumbuhan pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) sebanyak 31.3 peratus, jauh menjangkau pertumbuhan pada tahun kewangan berakhir 2021 dengan nilai 12.3 peratus dan 27.2 peratus.